

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	24 / 02 / 2016	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	10	RUANGAN	

Harga minimum pakej umrah RM4,900

Putrajaya: Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menyarankan jemaah yang mahu menuaikan umrah supaya tidak mengambil pakej di bawah harga RM4,900 kerana tidak munasabah serta berkemungkinan wujud unsur penipuan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, berkata kos berkenaan tidak mampu untuk menampung bayaran penerbangan, pengangkutan dan penginapan di Tanah Suci bagi tempoh 12 hari 10 malam.

Katanya, kes berkaitan penipuan pakej umrah dan ziarah meningkat setiap tahun kerana masih ada yang percaya dengan harga rendah yang ditawarkan.

"Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) sudah menetapkan harga minimum pakej umrah yang boleh ditawarkan syarikat pelancongan adalah RM4,900 bagi tempoh ditapkan.

Syarikat perlu ada lesen outbound

"Sehubungan itu, mereka yang ingin menuaikan umrah perlu berurusan dengan syarikat yang berlesen dengan kementerian dan mempunyai lesen 'outbound' (pengembalaan luar negara) sekiranya menjalankan perniagaan berkaitan pakej umrah," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Persidangan Meja Bulat Imam Kebangsaan 2016 Edisi Pelancongan Masjid di sini, semalam.

+ Mohamed Nazri berkata, berdasarkan statistik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sebanyak 1,478 kes berkaitan umrah diterima tahun lalu membabitkan anggaran kerugian sebanyak RM6.8 juta.

"Data kementerian sendiri merekodkan 57 syarikat dikenakan tindakan atas kesalahan berkaitan umrah sejak 2012 hingga tahun lalu membabitkan kerugian sebanyak RM237,000," katanya.

Nazri berkata, bagi menangani masalah berkenaan, kementerian akan menarik balik lesen outbound mana-mana syarikat pelancongan yang didapati menipu jemaah umrah.

"Tahun lalu kementerian menarik lesen outbound satu syarikat pelancongan dari Kedah atas kesalahan berkenaan," katanya.